

SIARAN MEDIA

Tarikh: 3 Februari 2013
 Rujukan: CBMR-5-RFI-7-KUIZeBACA-V1

UNTUK SIARAN SEGERA

KUIZ KESELAMATAN SIBER UNTUK PARA PELAJAR SEKOLAH DILANCARKAN

Satu program kerjasama bestari di antara CyberSecurity Malaysia dan Kumpulan Media Karangkraf untuk memperkasakan ilmu pendidikan mengenai keselamatan siber di kalangan pelajar sekolah di Malaysia

(KUALA LUMPUR) - CyberSecurity Malaysia, sebuah agensi pakar keselamatan siber Negara di bawah kawalselia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (**MOSTI**) dengan kerjasama Kumpulan Media Karangkraf, melalui Majalah e-Baca hari ini melancarkan Kuiz CyberSAFE e-Baca. Pelancaran Kuiz diadakan sempena sambutan ‘Safer Internet Day’ (**SID**) dan berlangsung sewaktu Karnival Kumpulan Media Karangkraf pada hari Ahad, 3 Februari 2013. Majlis Pelancaran Kuiz CyberSAFE e-Baca telah disempurnakan oleh Y.B. Datuk Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Menurut Datuk Haji Fadillah Haji Yusof, negara kini sedang melalui satu era digital di mana evolusi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (**ICT**) berkembang dengan begitu pesat dan dinamik sekali, dan penggunaan Internet serta gajet berteknologi tinggi telah menjadi sebahagian dari kehidupan seharian masyarakat Malaysia.

Tambah beliau lagi, penggunaan Internet telah mendedahkan negara dan masyarakat kepada pelbagai jenis ancaman siber. Seandainya, ancaman siber ini tidak dibendung dan masyarakat pula tidak diberi pendidikan mengenai keselamatan siber, ia mampu mengancam keselamatan serta memporakperandakan keamanan serta kesejahteraan Negara.

Pelbagai usaha serta inisiatif telah dibangunkan oleh Kerajaan bagi memastikan kesejahteraan dan keamanan siber di Malaysia, antaranya program Capaian atau *Outreach* CyberSAFE (Cyber Security Awareness For Everyone) yang telah diwujudkan melalui CyberSecurity Malaysia.


Securing Our Cyberspace

CyberSecurity Malaysia
 (726630-U)

 MS IS09EC 17025
 ID: 10
 SAMI NO. 456
 (MYST LABORATORY)

 T +603 8946 0999
 F +603 8946 0888
 H +61 300 88 2999

Corporate Office:
 Level 8, Block A
 Mines Waterfront Business Park
 No 3 Jalan Tasik, The Mines Resort City
 43300 Seri Kembangan
 Selangor Darul Ehsan
 Malaysia
www.cybersecurity.my

“Program CyberSAFE merangkumi aspek pendidikan mengenai keselamatan siber bertujuan untuk memupuk kesedaran orang ramai akan tatacara penggunaan Internet dengan lebih beretika, membudayakan keselamatan siber sebagai sebahagian dari gaya hidup dan dalam masa yang sama mendorong penggunaan teknologi serta Internet secara positif.” kata Dr. Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia.

Di bawah CyberSAFE terdapat satu program pendidikan yang diadakan khas untuk pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah iaitu, ‘CyberSAFE in Schools’. Ia diadakan bagi mendidik pelajar sekolah mengenai pelbagai aspek berkaitan keselamatan siber. Semenjak program CyberSAFE in Schools ini dilancarkan pada tahun 2010, seramai 34,402 orang pelajar dan 3,322 orang guru dari lebih 240 buah sekolah di seluruh Malaysia telah pun mengikuti program ini.

“Dengan adanya Kuiz keselamatan siber di dalam Majalah e-Baca, ia akan membantu lebih ramai pelajar sekolah untuk mempelajari cara-cara mengenali dan mengatasi ancaman siber dan masalah disebabkan gangguan atau ancaman keselamatan yang berlaku melalui Internet.” Ujar Dr. Amirudin lagi.

Kuiz CyberSAFE e-Baca akan diadakan pada setiap suku tahun di sepanjang 2013. Para peserta hanya perlu menjawab dua atau tiga soalan kuiz, menyelesaikan ‘word puzzle’ atau mencari perkataan (word search) serta menjawab soalan-soalan terkumpul. Maklumat mengenai keselamatan siber boleh didapati melalui laman web CyberSAFE - www.cybersafe.my. Selain Kuiz, terdapat juga penerbitan artikel, mesej-mesej serta tips berkaitan keselamatan siber di dalam Majalah e-Baca sepanjang tahun 2013.

Sementara itu, menurut Pengarang Majalah e-Baca, Saudara Saharom Abdul Aziz, “*Majalah e-Baca adalah salah sebuah penerbitan Kumpulan Media Karangkraf yang unik dan menarik. Dengan tagline ‘Learning is Fun’, e-Baca merupakan majalah dwibahasa yang memaparkan maklumat dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Ditambah pula dengan grafik yang berwarna-warni dan ceria, ia amat sesuai untuk sasaran pembacanya dalam lingkungan umur tujuh hingga 12 tahun. Majalah ini turut dibaca oleh golongan remaja dan ibubapa. Dengan adanya kuiz, artikel serta mesej mengenai keselamatan siber dalam majalah ini, kami pasti ia akan memberi satu pendedahan ilmu yang baru dan bermanfaat kepada para pembaca kami.*”

Best Brand
Internet Security
2008 & 2009CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2005
CERT NO.: A/HM/0001MS ISO/IEC 17025
CERT NO.: 0001
SAMA NO.: 456
(MySTL LABORATORY)MSC
Status CompanyT +603 8946 0999
F +603 8946 0888
H +61 300 88 2999

Corporate Office:
Level 8, Block A
Mines Waterfront Business Park
No 3 Jalan Tasik, The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
www.cybersecurity.my



Securing Our Cyberspace

Pelbagai hadiah menarik disediakan untuk para pemenang Kuiz CyberSAFE e-Baca. Antara hadiah bagi pemenang Kuiz di setiap suku tahunan adalah telefon pintar Samsung Galaxy Y serta kamera Nikon. Manakala bagi pemenang soalan terkumpul pula, antara hadiahnya berupa sebuah tablet ASUS Nexus 7C, komputer riba Samsung 14" serta pemain DVD mudah alih. Setiap pemenang juga akan mendapat satu set alat tulis CyberSAFE dan satu perisian antivirus 'Panda Global Protection'. Hadiah-hadiah utama ditaja bersama oleh CRESDO.com dan Panda Security Malaysia.

~TAMAT~

Untuk pertanyaan tentang dokumen ini, sila hubungi +603-89460999, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 895), atau Sandra Isnaji (ext: 867), atau e-mel media@cybersecurity.my

Laman Web: www.cybersecurity.my
 Laman Sosial (Facebook): www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia
 (Twitter): www.twitter.com/cybersecuritymy
 (YouTube): www.youtube.com/cybersecuritymy

Tentang CyberSecurity Malaysia

CyberSecurity Malaysia (www.cybersecurity.my) adalah pusat pakar keselamatan siber negara dan berfungsi sebagai agensi yang bertanggungjawab memelihara aspek e-Keselamatan nasional.

Sebelum ini dikenali sebagai Pusat Keselamatan dan Tindak Balas Kecemasan ICT Kebangsaan (NISER), CyberSecurity Malaysia menjadi sebuah agensi di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) (www.mosti.gov.my) sejak tahun 2005.

Pada dasarnya, peranan CyberSecurity Malaysia adalah untuk menyediakan perkhidmatan khusus dalam bidang keselamatan siber, seperti berikut:

- Tindak balas kecemasan keselamatan siber, pengendalian insiden, dan forensik digital.
- Pengurusan kualiti keselamatan siber.
- Pembangunan keupayaan dan kapasiti keselamatan siber.
- Capaian (outreach) dan pembudayaan keselamatan siber.
- Penyelidikan dan pemantauan (assessment) risiko keselamatan siber.
- Penilaian (evaluation) dan pensijilan keselamatan siber.

